



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT.100-2/1/5 JLD. 2 (19)

Tarikh : 13 April 2021

SIARAN MEDIA

PENAFIAN PENGLIBATAN JABATAN PERUMAHAN NEGARA DALAM PERMOHONAN SUMBANGAN UNTUK TUJUAN AKTIVITI ATAU PROGRAM TERMASUK TAJAAN MAJALAH YANG AKAN DIKELUARKAN OLEH SATU BADAN YANG DIKENALI SEBAGAI “MAJLIS KEBANGSAAN KESATUAN PEKERJA-PEKERJA KERAJAAN MALAYSIA”

PUTRAJAYA, 13 April 2021 – Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menerima aduan dan pertanyaan daripada orang awam mengenai kesahihan notis permohonan sumbangan daripada Majlis Kebangsaan Kesatuan Pekerja-Pekerja Kerajaan Malaysia.

Jabatan ini ingin memaklumkan bahawa kakitangan JPN, KPKT tidak terlibat dengan sebarang permohonan sumbangan untuk tujuan aktiviti atau program termasuk tajaan majalah yang akan dikeluarkan oleh satu badan yang dikenali sebagai Majlis Kebangsaan Kesatuan Pekerja-Pekerja Kerajaan Malaysia (MKTR).

Jabatan ini juga menafikan bahawa pemohon sumbangan adalah kakitangan awam di Jabatan ini, pernyataan seperti di dalam borang permohonan sumbangan bagi tajaan tersebut adalah tidak benar. Selain daripada itu, hasil semakan mendapati bahawa Naib Presiden yang bernama Tn. Hj. Nordin bin Abd Rahman seperti yang tertera di dalam surat tersebut juga adalah bukan kakitangan JPN, KPKT.

Sehubungan dengan itu, orang ramai adalah dinasihati agar tidak terpedaya atau tertipu dengan permohonan sedemikian. Sebaliknya orang ramai diminta untuk merujuk kepada laman sesawang rasmi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di <https://kpkt.gov.my> dan Jabatan Perumahan Negara di

<https://ehome.kpkt.gov.my> bagi mendapatkan maklumat tepat mengenai aktiviti JPN, KPKT.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*